

16 APR 2002

Mahathir-Melbourne/I

EDITOR EKONOMI PUJI PENCAPAIAN MAHATHIR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 16 April (Bernama) -- Seorang wartawan terkemuka di Australia hari ini memuji pencapaian Malaysia, dengan memberi kredit sepenuhnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas

kepemimpinan luar biasanya.

Dalam tulisannya dalam akhbar "The Age", editor ekonominya Tim Colebatch berkata tidak semua rakyat Australia mengetahui bagaimana Dr

Mahathir telah mengubah Malaysia, dan menambah bahawa Dr Mahathir adalah

"seorang pemimpin yang mengetepikan pemikiran konvensional, merancang untuk

jangka masa panjang dan merealisasikan rancangan itu".

"Melihat bangunan pencakar langit yang penuh gaya, taman dan lebuhraya

di Kuala Lumpur hari ini, sukar untuk mempercayai bahawa 30 tahun lepas

Malaysia merupakan negara Dunia Ketiga dengan kebanyakan penduduknya terdiri daripada petani miskin dan mengeksport getah dan bijih

timah," kata

Colebatch.

Malaysia kini merupakan negara yang berpendapatan pertengahan tinggi,

satu daripada 12 negara pengeksport barangan kilang di dunia, dengan setiap

kanak-kanak membesar dengan makanan yang mencukupi, mendapat pendidikan

yang baik, dengan sebuah peti TV, bekalan air yang selamat digunakan serta

rawatan kesihatan yang baik, dan menjadi golongan kelas menengah pula

bermakna memiliki sebuah kereta dan komputer di rumah, katanya.

Beliau menambah bahawa "walaupun menghadapi pelbagai masalah sepanjang

10 tahun lepas, ekonominya sudah berkembang hampir dua kali ganda pantas

seperti Australia, menghampiri kepada tujuh peratus setahun.

Katanya dengan pendapatan perkapita sebenar satu pertiga daripada

Australia, matlamat Dr Mahathir adalah untuk menyamai Barat pada 2020,

merupakan tugas besar. Namun kegagalan bukan disebabkan kepimpinan".

Colebatch yang baru pulang daripada menjadi tetamu Kerajaan Malaysia,

berkata pemikiran Dr Mahathir sudah berkembang sejak zaman kanak-kanak lagi

semasa dibawah pemerintahan penjajah.

Peperangan beliau menentang perdagangan bebas dan "pegangan neo-liberal" (rasionalisme ekonomi) menggambarkan keyakinannya bahawa Barat masih mahu mencorak dunia dalam keadaan ia boleh menguasainya, menetapkan pasaran untuk negara lain seperti memerintah kerajaan mereka pada masa lepas.

"Matlamat beliau ialah untuk menjadikan orang Melayu (dan Cina dan India yang merupakan minoriti) menguasai segala bidang. Bagaimanapun, paradoksnya, kejayaan utama ekonomi mereka adalah hasil daripada pelaburan asing yang telah menyumbang kepada kadar pengangguran kurang daripada lima peratus sejak beberapa tahun ini".

Colebatch berkata sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 21 daripada 45 tahun, Dr Mahathir mempunyai tanggungjawab utama untuk melaksanakan dasar kerajaan.

"Dan mereka yang mengkritik beliau membabitkan isu-isu lain, bersetuju beliau telah meningkatkan kecekapan kerajaan dan melaksanakannya berdasarkan teladan," kata Colebatch.

Colebatch berkata semasa Dr Mahathir menggunakan kebijaksanaannya melaksanakan ekonomi konvensional, seperti 1998 apabila mengenakan kawalan modal sementara dan menamatkan perdagangan mata wang, sekali lagi tindakan beliau tepat.

"Berapa lama beliau akan bertahan? Sekarang 76 tahun, beliau mengadu penat. Tetapi para pemerhati di Kuala Lumpur yakin Dr Mahathir akan berkhidmat selama lima tahun lagi, kemungkinan pilihan raya lebih awal tahun depan," katanya.

Colebatch berkata Dr Mahathir mampu bertahan, sebahagian besarnya kerana ketegarannya, beliau telah mengubah haluan apabila keadaan memerlukan.

"Beliau mungkin memerlukan lebih banyak fleksibiliti bagi memenuhi cabaran dalam tahun-tahun akhir pemerintahannya," katanya.

-- BERNAMA

AT AHH LAT